

22 NOV 1997

BSKL DIJANGKA KEKALKAN PANTULAN TEKNIKAL

KUALA LUMPUR, 22 Nov (Bernama) -- Pantulan teknikal di Bursa Saham Kuala Lumpur Jumaat minggu ini dijangka berlanjutan kepada Isnin depan, yang mensasarkan paras 600 sebelum menjadi stabil kerana sokongan belian kukuh yang berterusan, kara para penganalisis.

Berkata memandangkan pasaran telah dijual berlebihan dalam empat hari yang lalu penjualan paksaan besar-besarnya yang ketara itu dijangka menjadi lega.

Tanda aras Indeks Komposit mengakhiri minggu ini 117.38 mata lebih rendah kepada 560.09, Indeks Emas seluruh saham Papan Utama lega 35.58 mata kepada 154.09, Indeks Perusahaan jatuh 207.53 mata kepada 1,118. 58 manakala Indeks Papan Kedua jatuh 65.92 mata kepada 262.25.

Kejatuhan ringgit, faktor-faktor kadar faedah yang terus meningkat, kebimbangan terhadap urusan korporat dan hujung tahun, menjadikan para pelabur gementar dan mereka akan memerhatikan faktor-faktor itu dengan teliti minggu depan, mereka berkata.

Pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai penubuhan Majlis Bertindak Ekonomi Negara (NEAC) untuk menangani masalah ekonomi semasa menyokong pasaran pada hari Jumaat.

Penganalisis itu berkata CI dibuka lebih rendah tetapi memantul selepas dua minit urusan dan bertahan pada parasnya dalam jam pertama sebelum ia jatuh kepada 512.41 mata, jatuh 24.21 mata.

Sementara itu, ringgit yang meningkat berbanding dolar AS berikutan peningkatan matawang-matawang serantau hari Jumaat, menyokong pasaran.

Ringgit mengakhiri dagangan minggu ini pada 3.4750/50 berbanding dolar dari 3.3150/25 Jumaat sebelumnya, manakala KLIBOR tiga bulan naik kepada 9.29 peratus dari 9.07 peratus.

BSKL menjadi lembap hari Selasa kerana para pelabur menjual pegangan mereka kerana kebimbangan terhadap pemilikan 32.6 peratus saham Renong Bhd oleh anak syarikatnya United Engineers (M) Bhd.

Syarikat-syarikat kumpulan DRB-HICOM, Hicom Holdings dan Perusahaan Otomobil Nasional Bhd, yang menerbitkan kepurusan yang memberangsangkan bagi enam bulan berakhir 30 Sept 1997, Rabu lalu menyaksikan reaksi berbelah-bahagi daripada para pelabur.

Jumlah dagangan yang diniagakan meningkat kepada 1.905 bilion bernilai RM5.664 bilion dari 1.078 bilion saham bernilai RM4.687 bilion minggu sebelumnya.

Jumlah dagangan papan utama meningkat kepada 1.704 bilion bernilai RM4.790 bilion dari 760.462 juta saham bernilai RM2.574 bilion, manakala jumlah dagangan papan kedua meningkat kepada 201.003 juta saham bernilai rm874.195 juta dari 152.311 juta saham bernilai RM957.966 juta.

Urusniaga langsung adalah sebanyak 239.909 juta bernilai RM2.206 bilion dari 167.062 juta bernilai RM1.155 bilion.

Fiamma Holdings Bhd yang muncul kali pertama di papan utama Selasa mengakhiri minggu ini pada RM1.84, di bawah harga tawarannya RM2.35. Ditubuhkan pada 1979, syarikat itu terbabit dalam pengedaran, pemasangan dan pembuatan perkakasan rumah dan keluaran-keluaran kemasan rumah.

Para penganalisis berkata dengan keadaan semasa, sebarang penyelarasan baru akan terjejas teruk dan harga pembukaan dijangka dibuka di bawah harga tawaran mereka.

Barangan pengguna menyumbang 102.111 juta saham diniagakan, barangan industri 152.441 juta, pembinaan 276.225 juta, dagangan/perkhidmatan

408.136 juta, infrastruktur 9.269 juta, kewangan 400.766 juta, hotel 14.740 juta, harta 318.300 juta, perladangan 76.381 juta, perlombongan 11.420 juta, amanah 3.010 juta, danan tertutup 1.883 juta, stok pinjaman 45.659 juta, hak langganan boleh tukar/waran 103.334 juta dan hak 2,000. --

BERNAMA

YY MR OS

PERHATIAN Editor Bisnis: 10 saham teratas tidak didapati daripada BSKL)